

F. 39
S. u. Polihle

Ucapan: ADHO
555
194/80

Ucapan Y.B. Encik Hussein Onn
Menteri Pelajaran Malaysia di Upacara Pelancaran
Sistem Ejaan Baharu di Dewan Bahasa dan Pustaka
pada 16hb Ogos, 1972 Jam: 11.00 pagi.

1. Saya mengucapkan syukur kepada Allah subhanahu-wata ala kerana pada hari ini kita dapat berkumpul beramai-ramai untuk menyaksikan Upacara Pelancaran Sistem Ejaan Baharu bagi Bahasa Malaysia. Saya rasa inilah kali pertama dalam sejarah Bahasa Melayu kita mengadakan upacara besar-besaran untuk mengalu-alukan perubahan baharu yang berlaku pada bahasa kita. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, pertumbuhan sesuatu bahasa adalah suatu perkara yang berlaku secara natural tanpa kesedaran kita. Demikianlah halnya perubahan-perubahan yang telah berlaku pada Bahasa Melayu sejak berzaman-zaman lamanya. Pada hari ini pula, kita dapat melihat perkembangan pesat yang sedang berlaku pada bahasa kita, terutama sekali semenjak kemerdekaan. Kita sama-sama terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses perubahan yang berlaku pada bahasa kita hari ini. Oleh kerana itu upacara yang kita adakan pada pagi ini mempunyai erti yang besar pada kita semua.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, usaha untuk memperbaiki sistem ejaan Rumi bahasa kita sudah lama kita jalankan. Mula-mulanya usaha ini telah dijalankan oleh orang-orang Inggeris yang cuba menyalinkan bahasa Melayu dalam tulisan Jawi ke tulisan Rumi. Tulisan Rumi yang pertama dianggap rasmi ialah sistem yang disusun oleh Jawatankuasa Ejaan R.J. Wilkinson dalam tahun 1902. Kemudian sistem ini telah diperbaiki lagi oleh Pendita Tan Sri Za'ba. Sistem ejaan Rumi Za'balah yang selama ini dianggap rasmi; sistem ini kadang-kadang disebut "sistem ejaan sekolah". Bahasa Melayu terus berkembang dan mengalami perubahan-perubahan baharu. Usaha memperbaiki sistem ejaan Rumi diteruskan. Dalam tahun 1956 terbentuk suatu sistem ejaan cadangan yang dinamakan Ejaan Konggres. Tetapi ejaan ini tidak dilaksanakan kerana beberapa huruf yang dicadangkan oleh sistem itu memakai tanda-tanda fonetik yang agak sukar diikuti. Kemudian usaha kita diperluaskan dengan kerjasama pihak Indonesia. Hasil dari perundingan-perundingan yang diadakan dengan pihak Indonesia, maka lahirlah satu lagi sistem ejaan yang terkenal dengan nama Ejaan Malindo dalam tahun 1959. Tetapi ejaan Malindo ini juga tidak dapat

dilaksanakan oleh sebab-sebab yang tertentu. Dalam tahun 1966 Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bahasa dan Ejaan yang dipengerusikan oleh Y.B. Tan Sri Syed Nasir. Jawatankuasa ini telah mengadakan perundingan-perundingan baharu dengan pihak Indonesia. Akhirnya tercapailah persetujuan oleh kedua pihak untuk menggunakan ejaan baharu yang dikenal dengan nama "Sistem Ejaan Bersama Malaysia/Indonesia" yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 27hb. Jun, 1967.

Pelaksanaan Sistem Ejaan Bersama ini telah ditangguh-tangguhkan. Akhirnya dalam bulan Mei tahun ini saya dan rombongan saya telah pergi ke Indonesia untuk membangkitkan semula perkara ini dan kedua pihak bersetuju supaya diadakan rundingan lagi mengenai soal ejaan berdasarkan perjanjian tahun 1967. Dalam bulan Jun tahun ini suatu rombongan ejaan yang diketuai oleh Tuan Haji Sujak bin Rahiman telah pergi ke Jakarta untuk mengadakan rundingan dengan Panitia Ejaan Bahasa Indonesia. Hasilnya ialah kedua pihak bersetuju melaksanakan ejaan baharu berdasarkan persetujuan tahun 1967.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, demikianlah sejarah ringkas mengenai usaha kita untuk memperbaiki ejaan Rumi bahasa kita. Mulai dari hari esok kita akan melaksanakan ejaan baharu ini. Kementerian saya, dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, telah menyediakan sebuah buku kecil yang mengandungi peraturan-peraturan dan cara-cara menggunakan ejaan baharu ini. Buku kecil ini akan diedarkan percuma kepada semua pejabat dan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan, kepada sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti-universiti, kepada badan-badan sebaran am (mass-media), penerbit-penerbit buku, dan semua pihak lain yang memerlukannya. Tuan-tuan dan puan-puan akan mendapati bahawa sistem ejaan baharu ini tidak banyak bezanya dari sistem ejaan lama. Oleh kerana ini saya rasa tidaklah berapa sukar hendak memahami dan menggunakan ejaan baharu ini. Tentulah pada mulanya kita akan merasa kekok menggunakan sistem ini, terutama sekali mengenai huruf c yang menggantikan huruf ch dan huruf sy yang menggantikan huruf sh. Tetapi perubahan ini terlalu kecil dan mudah dipelajari.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, ejaan baharu ini sangat besar faedahnya bagi kemajuan pelajaran di negeri ini. Pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah mengalami kesukaran yang rumit kerana tidak adanya satu ejaan yang standad. Guru-guru sendiri tidak tahu sistem manakah yang hendak dipakai. Buku-buku teks sekolah juga mengandungi cara-cara ejaan yang berbeza-beza. Masaalah ini memberatkan fikiran

murid-murid dan boleh juga merosakkan minat dan kegemaran mereka terhadap Bahasa Malaysia. Dengan adanya sistem ejaan baharu ini saya berharap pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah akan lebih mudah lagi bagi murid-murid kita dan dengan ini juga kemajuan Bahasa Malaysia sebagai alat pelajaran akan dapat berjalan dengan lebih teratur lagi. Berhubung dengan perkara ini, saya suka menegaskan pentingnya peranan guru dalam pelaksanaan ejaan baharu ini. Murid-murid sekolah yang baharu belajar Bahasa Malaysia biasanya lebih mudah mempelajari perkara-perkara baharu kerana mereka belum lagi biasa dengan perkara-perkara lama. Bagi mereka saya rasa soal memahami dan mengenal ejaan baharu ini tidak akan menimbulkan apa-apa masalah yang besar. Kita berharap dengan adanya kerjasama dari kaum guru, sistem ejaan baharu ini akan lebih cepat dipakai di sekolah-sekolah. Saya akan berunding dengan pegawai-pegawai saya untuk memikirkan cara-cara bagaimana ejaan baharu ini dapat diajarkan kepada murid-murid sekolah di seluruh negara dengan teratur dan licin.

Masa peralihan menggunakan ejaan baharu ini ialah 5 tahun dari sekarang. Ini bererti selepas 5 tahun, ejaan lama tidak akan dipakai lagi. Tempuh lima tahun ini saya rasa adalah lebih daripada cukup bagi membolehkan orang ramai dan pihak-pihak tertentu menggantikan ejaan lama dengan ejaan baharu. Buku-buku yang ditulis dalam ejaan lama dan yang masih boleh dipakai terutamanya di sekolah-sekolah, bolehlah terus menggunakan ejaan lama, tetapi apabila buku-buku itu dicetak semula, eloklah menggunakan ejaan baharu. Dalam masa lima tahun ini murid-murid sekolah tidak akan dipaksa menukar buku atau menggunakan buku-buku dalam tulisan baharu.

Pihak-pihak tertentu, khasnya radio, T.V. dan suratkhobar, telah diminta memberikan kerjasama yang rapat dalam usaha menyebarkan sistem ejaan baharu ini. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka akan memberikan penjelasan-penjelasan jika timbul apa-apa masalah mengenai cara-cara menggunakan ejaan baharu ini. Kejayaan pelaksanaan ejaan baharu ini bergantung kepada kerjasama dari semua pihak. Sekarang ialah masa untuk bertindak dan melaksanakan apa yang telah dipersetujui oleh kedua-dua buah negara, Malaysia dan Indonesia.

Akhir sekali saya mengucapkan berbilang terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang telah bekerja kuat memerah otak untuk menyelesaikan masalah ejaan yang amat berat ini. Berkat usaha dan ketekunan merekalah, kita hari ini berjaya mencipta suatu detik

sejarah yang sangat penting bagi masa hadapan bahasa kita, bukan sahaja di negeri ini tetapi juga di seluruh kawasan bahasa Melayu di Asia Tenggara ini.

Y.A.B. Tun,

Sudi apalah kiranya Yang Amat Berhormat Tun menerima dokumen-dokumen yang melambangkan kata muafakat yang telah tercapai di antara Malaysia dan Republik Indonesia mengenai satu sistem ejaan, dan saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Tun mengisytiharkan pelaksanaan dan penggunaan ejaan ini sebagai ejaan baharu bagi Bahasa Malaysia.



No. Siri	131
No. Penerimaan	131/80